

Hujan tiga jam undang banjir kilat di beberapa jalan di sekitar ibu negara

Estima, Aeroback tenggelam

KUALA LUMPUR – Hujan lebat selama tiga jam yang melanda ibu negara semalam menyebabkan dua buah kereta tenggelam dalam kejadian banjir kilat di Jalan Chan Sow Lin berdekatan stesen transit aliran ringan (LRT) di sini semalam.

Kejadian pada pukul 4 petang berlaku apabila pemandu kereta kenderaan pelbagai guna (MPV) Toyota Estima dan Proton Iswara Aeroback yang melalui jalan itu tidak menyedari air naik dengan cepat di jalan tersebut menyebabkan enjin kedua-dua buah kenderaan itu mati.

Semasa kejadian, paras air di jalan bawah jejambatan LRT itu naik sehingga dua meter namun nasib baik pemandu kedua-dua buah kenderaan itu sempat menyelamatkan diri.

Kereta Toyota Estima yang dalam perjalanan menuju ke arah ibu negara dan Proton Iswara Aeroback dalam perjalanan ke arah Sungai Besi berjaya ditarik keluar dari kawasan banjir pada pukul 8 malam.



TOYOTA Estima yang terperangkap dalam banjir kilat di Jalan Chan Sow Lin berhampiran stesen LRT di Chan Sow Lin semalam.

Pemilik kenderaan Toyota Estima itu, Shamsudin Dollah, 55, berkata, dia tidak dapat mengundur kenderaannya kerana enjin tidak boleh dihidupkan selepas ditenggelami air.

“Saya jarang lalu di jalan ini dan tidak sangka air sedalam itu sebab nampak ada sebuah lori di depan saya boleh lepas,” katanya yang merupakan pemandu peribadi di

sebuah syarikat guaman.

Dalam pada itu, pemandu Proton Iswara Aeroback yang merupakan wanita berusia 63 tahun berkata, dia tidak sangka air di jalan tersebut begitu dalam menyebabkan dia cuba mengharung air itu tetapi malangnya enjin keretanya mati.

“Banyak kereta berhenti tetapi saya ingat mereka cuma mahu te-



KEADAAN kereta Proton Iswara Aeroback yang tenggelam dan cuba ditarik keluar pasukan penyelamat di Jalan Chan Sow Lin semalam.

ngok air sahaja,” katanya yang enggan dikenali.

Jalan Chan Sow Lin di bawah jambatan itu sering dilanda banjir kilat setiap kali hujan disebabkan kedudukannya yang rendah.

Sementara itu, polis trafik ibu negara melaporkan beberapa jalan di ibu negara sesak kerana banjir kilat berikutan hujan lebat yang

melanda sejak pukul 4 petang.

Selain Jalan Chan Sow Lin, kawasan lain dinaiki air ialah Jalan Sultan Ismail, Jalan Ampang, Jalan Imbi, Jalan Kuching dan Jalan Maluri.

Difahamkan sehingga pukul 8 malam tadi jalan-jalan di ibu negara terus sesak walaupun banjir sudah surut.